



Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian Kewangan menyambut baik peningkatan indeks pengurus pembelian atau *Purchasing Managers' Index* (PMI) bagi sektor perkilangan kepada 49.4 mata untuk bulan April 2019 daripada 47.2 mata untuk bulan sebelumnya. Bacaan PMI untuk April 2019 adalah tahap yang tertinggi dicatat dalam 7 bulan yang lepas.

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

WALAUPUN NOTA NIKKEI MERAMALKAN KDNK MALAYSIA AKAN BERKEMBANG 5.2% BERDASARKAN KEPADA PENINGKATAN PMI KEPADA 49.4 MATA DALAM BULAN APRIL 2019, KEMENTERIAN KEWANGAN AKAN MENGEKALKAN UNJURANNYA PADA KADAR 4.9% UNTUK TAHUN 2019

Kementerian Kewangan menyambut baik peningkatan indeks pengurus pembelian atau Purchasing Managers' Index (PMI) bagi sektor perkilangan kepada 49.4 mata untuk bulan April 2019 daripada 47.2 mata untuk bulan sebelumnya. Bacaan PMI untuk April 2019 adalah tahap yang tertinggi dicatat dalam 7 bulan yang lepas.

Malah berdasarkan kepada nota terbitan Nikkei, bacaan PMI April 2019 meramalkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan berkembang 5.2% bagi tahun ini, iaitu lebih tinggi berbanding unjuran Kerajaan sebanyak 4.9%. Sungguhpun begitu, pihak Kerajaan mengambil langkah berhati-hati dengan mengekalkan unjurannya pada kadar 4.9% bagi tahun 2019.

Peningkatan PMI dalam bulan April 2019 disokong oleh peningkatan tempahan eksport, penambahan pengambilan pekerja baharu, pelaburan untuk mesin dan kilang baharu, serta kenaikan keyakinan perniagaan yang dirangsang oleh kejelasan dan kepastian dasar pembaharuan daripada Kerajaan. Malah, mengikut bacaan PMI terbitan Nikkei tersebut, keyakinan perniagaan sekarang berada pada tahap tertinggi sejak bulan Oktober 2013.

Pada masa yang sama, penambahan pelaburan baharu adalah kesan langsung kejayaan Kerajaan dalam meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan sebanyak 48% kepada RM80.5 Bilion pada tahun 2018, berbanding RM54.5 Bilion pada tahun 2017.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan dan mampan menunjukkan bahawa pelan pembangunan dan pemulihan ekonomi adalah mengikut perancangan dan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi penekanan kepada perkembangan ekonomi berkualiti tinggi.

Sayangi Malaysiaku!

**Lim Guan Eng
Menteri Kewangan**

Like Be the first of your friends to like this.
